

Penyampai : TAN SRI DATO SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID
Tajuk : HARI KUALITI SIRIM
Lokasi :
Tarikh : 04-11-1995

1. Terlebih dahulu saya ingin menyatakan rasa bangga saya di atas kejayaan SIRIM sehingga kini dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada keseluruhan anggota kerja SIRIM kerana berjaya membuktikan bahawa SIRIM bukan sahaja menentukan kualiti perkhidmatan dan barangan industri dan pelanggan tetapi juga mengamalkan sendiri konsep kualiti yang menyeluruh di peringkat organisasi.

2. Dalam usaha SIRIM menangani peralihan paradigma daripada agensi kerajaan ke badan korporat, kita tidak boleh mengabaikan kualiti, daripada segi perkhidmatan mahupun daripada segi perkembangan diri. Peranan yang akan dipikul oleh SIRIM pada masa akan datang akan lebih mencabar dan kita perlu menggembelngkan segala usaha untuk memenuhi kehendak pelanggan dan meningkatkan kualiti perkhidmatan. SIRIM bukan sahaja akan berfungsi sebagai syarikat milik kerajaan tetapi ia juga terus bertanggungjawab sebagai agen pembangunan negara, khususnya dalam sektor perindustrian.

Saudara-saudari sekalian,

3. Saya yakin saudara-saudari semua sedar bahawa usaha ke arah pencapaian kualiti bukan hanya dilaksanakan sepanjang bulan kualiti sahaja atau dengan mengadakan Hari Kualiti. Ia perlu sentiasa diterapkan ke seluruh organisasi sebagaimana yang dinyatakan dalam konsep kaizen atau pembaikan berterusan. Walau bagaimanapun, Hari Kualiti yang melibatkan sebahagian besar anggota kerja di SIRIM, adalah kemuncak kepada usaha-usaha yang telah diadakan sepanjang tahun ini dan menunjukkan kesedaran diri anggota kerja akan keperluan peningkatan kualiti kerja mereka. Peningkatan ini akan menghasilkan peningkatan kualiti prestasi kerja Unit atau Kumpulan masing-masing. Seterusnya penglibatannya ini akan menampakkan kesan sumbangan diri dan Unit atau Kumpulan kepada Seksyen, Bahagian dan seluruh organisasi. Janganlah kita hanya mementingkan kualiti luaran tanpa menentukan ia telah meresap ke akar umbi dan menjadi pegangan harian kita.

4. Selain dari peningkatan semangat kerjasama dan kebanggaan sumbangan diri, saya berharap semangat Hari Kualiti ini dikekalkan dan diamalkan supaya setiap hari bekerja, malah dalam semua jenis aktiviti kehidupan kita, kita amalkan ciri-ciri kualiti peribadi seperti rajin bekerja, jujur, ikhlas, amanah dan bertimbangrasa. Ini bukan sahaja akan meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja kita tetapi juga kehidupan kita akan bertambah baik.

Budaya kualiti kerja dan kehidupan perlu diamalkan sepanjang masa.

5. Sepanjang wujudnya SIRIM selama 20 tahun ini, sumbangannya melalui peranan strategik SIRIM dalam membantu proses perindustrian negara telah meningkat setiap tahun. Ia dapat dilihat dengan jelas pada 5 tahun kebelakangan ini melalui kenyataan dan misinya. Konsep dan kaedah 'Pengurusan Kualiti Menyeluruh' atau lebih dikenali dengan Total Quality Management (TQM) yang telah dilaksanakan di SIRIM telah menjadi antara faktor yang membawa SIRIM kepada kejayaannya sekarang. Kejayaan yang ditempa sehingga kini adalah hasil dari amalan pengurusan yang dinyatakan dalam dasar kualiti SIRIM.

Saudara-saudari sekalian,

6. TQM merupakan suatu proses pengurusan kualiti yang berorientasikan pelanggan, berjalan secara berterusan dan melibatkan semua aspek dalam organisasi yang akan membawa organisasi mencapai 'kualiti menyeluruh' dalam segala aspek operasinya. Dengan itu, kualiti bukan sahaja merupakan sesuatu yang dapat dilihat pada keluaran atau perkhidmatan, tetapi juga lebih menyeluruh meliputi sebarang operasi dan urusan yang dikendalikan oleh sesebuah organisasi. Pada tahap ini, kualiti akan dipamerkan melalui kecekapan pentadbiran, kebolehan anggota kerja, kelicinan sistem-sistem operasi dan sebagainya.

7. Mengikuti pendekatan TQM, setiap anggota kerja di dalam organisasi sama-sama bertanggungjawab sepenuhnya menayakan usaha-usaha peningkatan kualiti. Dengan penglibatan menyeluruh seperti ini barulah usaha peningkatan kualiti akan meninggalkan kesan yang mendalam dan berkekalan.

8. Pelaksanaan TQM adalah satu keperluan yang akan menjamin kecemerlangan prestasi perkhidmatan SIRIM.

Tindakan ini membolehkan produk dan perkhidmatan yang berkualiti dihasilkan serta dihargai oleh pelanggan. Selain itu, ia juga akan dapat mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan SIRIM dalam menayakan matlamat Institut.

9. Namun begitu, pelaksanaan TQM bukanlah satu usaha yang mudah, sebaliknya memerlukan perancangan dan pelaksanaan yang teratur. Komitmen pengurusan atasan juga ternyata menjadi satu keperluan yang asasi. Dalam hal ini, saya pasti, pihak pengurusan SIRIM telah menjalankan tugas yang baik dalam menerajui segala perubahan melalui TQM dan pada masa yang sama menggalakkan penyertaan anggota kerja yang menyeluruh dalam proses tersebut.

Saudara-saudari sekalian,

10. Apabila SIRIM menempuh era baru pada tahun hadapan iaitu dengan menjadi sebuah badan korporat, pengurusan berkualiti yang ada sekarang akan memudahkan SIRIM sebagai badan korporat yang berjaya. Walau bagaimanapun usaha bagi menentukan bahawa sistem dan proses kerja yang ada ketika sesuai bagi SIRIM Bhd. perlu dimulakan dari sekarang. Sebagai Pengerusi Lembaga SIRIM, saya amat bangga dengan pencapaian SIRIM sebagaimana yang dinyatakan oleh Dato* Dr. Ahmad Tajuddin dalam ucapannya tadi. Menyedari hakikat bahawa Lembaga memainkan peranan yang penting untuk memastikan SIRIM sentiasa maju dan progresif, pada mesyuaratnya baharu-baharu ini Lembaga telah meluluskan penubuhan dua anak syarikat milik penuh SIRIM bagi perkhidmatan penentuan kualiti dan percetakan. Saya percaya langkah ini akan membolehkan aktiviti-aktiviti ini bergerak dengan lebih cergas dan proaktif dalam memenuhi kehendak pelanggan. Di samping itu, Lembaga juga telah meluluskan cadangan terma dan syarat perkhidmatan SIRIM Bhd. Pada keseluruhannya terma dan syarat perkhidmatan ini adalah lebih baik daripada yang dinikmati sekarang ini.

11. Namun begitu saya ingin mengingatkan kesemua anggota kerja SIRIM bahawa sebarang faedah yang kita mahu nikmati hendaklah kita usahakan. Sebagai kata pepatah, AJika tidak dipecah ruyung, manakan dapat sagunya.

12. Saya percaya bahawa sebarang usaha menuju kejayaan banyak bergantung kepada kepimpinan pengurusan. Tanpa pemimpin yang dinamik dan berpandangan jauh, sesebuah organisasi itu akan tidak berjaya. Faktor kedua adalah perhubungan yang berkesan. Keseluruhan organisasi hendaklah faham dan komited kepada objektif-objektif sesuatu program yang dilaksanakan. Kita janganlah mudah mengkritik tanpa cuba melihat aspek keseluruhan perkara-perkara yang berlaku. Bukanlah senang untuk menukar sikap negatif yang mungkin telah wujud di kalangan kita tetapi saya yakin sekiranya kita bersyukur dan menyedari betapa bertuahnya kita berbanding dengan mereka yang berada dalam keadaan yang lebih buruk, kita akan bersikap lebih positif. Sememangnya sentiasa wujud mereka yang pada lahirnya adalah lebih bernasib baik tetapi kita hendaklah cuba mengikis sikap irihati ini. Kita hendaklah bersikap ikhlas dalam menjalankan tugas kita. Bagi mereka yang menganut sesuatu agama, kita bertugas kerana tuhan kita masing-masing dan untuk kepuasan dan harga diri. Kualiti dicapai bukanlah sekadar menerusi prosedur dan sistem tetapi lebih-lebih lagi menerusi sikap yang positif dan kesungguhan menjalankan tugas yang telah diamanahkan.

13. Sambutan Hari Kualiti pada hari ini menunjukkan komitmen pihak pengurusan SIRIM terhadap kualiti. Sambutan ini di samping meningkatkan kesedaran anggota kerja SIRIM terhadap kualiti, diharap dapat mengukuhkan lagi nilai-nilai budaya kualiti di SIRIM. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan sambutan Hari Kualiti SIRIM pada hari ini.